

Headline	Bekalan elektrik pulih sepenuhnya		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Nasional	Page No	3
ArticleSize	94 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 2,526		



Bekalan elektrik pulih sepenuhnya

KUALALUMPUR - Bekalan elektrik di Johor, Melaka dan Kelantan kembali pulih sepenuhnya dan tiada akaun pengguna yang terjejas, sehingga jam 10 pagi ini.

Menurut kenyataan Tenaga Nasional Berhad (TNB) di sini semalam, bagaimanapun bekalan elektrik di Pahang dan Terengganu masih belum pulih sepenuhnya.

Katanya, 60 pencawang elektrik di Pahang dihenti tugas melibatkan 1,890 jumlah akaun pengguna manakala 90 pencawang elektrik di Terengganu dengan 3,328 akaun pengguna.

Di Pahang, kawasan terlibat ialah Kuantan membabitkan 37 pencawang elektrik, Triang (11), Pekan (6), Temerloh (4), Maran dan Jerantut masing-masing satu.

Katanya, sebanyak 26 set janakuasa dibekalkan di

Kuantan manakala empat set janakuasa di Jerantut.

Sementara di Terengganu, kawasan terlibat ialah Geliga membabitkan 68 pencawang elektrik dihenti tugas, Cheneh (17), Chukai (3) dan AMBS (2).

Katanya 33 set janakuasa dibekalkan di Kemaman.

Menurut kenyataan itu, kesemua sembilan empangan TNB di Semenanjung juga masih dalam tahap selamat dan tiada limpahan air terjadi.

Empangan itu ialah Empangan Pergau di Kelantan, Empangan Kenyir (Terengganu), empat buah empangan di Sungai Perak iaitu Empangan Temenggor, Empangan Bersia, Empangan Kenering dan Empangan Chenderoh dan tiga empangan di Cameron Highlands iaitu Empangan Sultan Abu Bakar, Empangan Jor dan Empangan Mahang.
- Bernama